

PERKEMBANGAN SENI CETAK DI KAJIAN SENILUKIS SENIREKA

(1971 - 1983)

OLEH: Yusak Mahamud

m/c: 80092471

KANDUNGAN

Halaman

MUKADDIMAH
PENDAHULUAN

Bab 1

1 PENGENALAN	1
- Definisi Seni Cetak	4
- Sejarah Seni Cetak	10

Bab 2

1 DIPERKENALKAN	17
- Sejarah Awal	21
- Perkembangan Di Tahun 80an	24
2 SENI CETAKAN	26

Bab 3

'IDEA' DAN 'CONTENT'	30
- Dorongan 'Idea	31
- Pop Art	32
- Kritikan Sosial ..	33
- Kaligrafi	35
- Peribumi	36
- Lanskap	37
- Islamik	38

Bab 4

TEKNIK	40
PERKEMBANGAN TEKNIK	45

Bab 5

PERBINCANGAN (CADANGAN)	70
- Masalah Pendidikan ..	72
- Penutup	75
- Bibliografi	77

PENDAHULUAN

Seni cetak grafik adalah merupakan salah satu cabang proses pengutaraan menifestasi tampak yang menggunakan kaedah-kaedah teknikal yang tertentu. Ia memerlukan daya kreativiti, daya imajinasi serta daya pemikiran yang kuat bagi membolehkan seseorang seniman itu melahirkan idea-idea yang merupakan penterjemahan aspek-aspek batiniah, emosi dan perasaan mereka.

" Seni melambangkan aspek batiniah manusia yang subjektif, segala bentuk perkembangannya memerlukan satu usaha yang tidak sedikit untuk mencipta kata-kata dan bahasa yang membolehkan ia melahir dan memaparkan aspek batiniah itu dengan memberikan bentuk yang konkrit lagi umum kepada emosi, perasaan dan kesedaran tentang makna dan nilai hidup " 1

¹⁾ Al- Ghazali 'Fine Art in Islamic Civilization' petikkan dari Be M.Z.J. m.s. 30

Kegiatan seni cetak grafik di Malaysia bukanlah bentuk seni yang di warisi turun temurun. Ia muncul dalam tahun 50an dengan proses potongan kayu dan diperkenalkan di Kajian Senilukis Senireka pada tahun 1971. Dewasa ini bidang seni cetakan grafik telah menampakkan perkembangan yang menggalakkan.

Di I.T.M. usaha yang giat untuk mentafsirkan idea dan pemikiran ke dalam satu pergerakan sedang dilaksanakan. Berfikir dengan bernati-hati, apakah keperluan yang sebenarnya yang dikehendaki oleh masyarakat kita pada masa kini dan masa depan, agar seni cetakan akan dapat berfungsi dengan lebih bermakna dan di terima oleh semua lapisan masyarakat.

Para pereka kita semestinya mempunyai matlamat bagi menimbulkan minat terhadap seni cetak di seluruh tanah air, disamping mengenalkan identiti bangsa melayu agar kesan yang ditinggalakan akan meninggikan taraf seni budaya kita.

Peranan yang dimainkan oleh Kajian Senilukis Senireka umumnya Jabatan Seni Halus khasnya dalam memajukan seni cetakan grafik di Tanah Air menampakkan perkembangan yang sihat.

PENGENALAN

Seni cetakkan adalah sama tua dengan seni itu sendiri. Hanya beberapa abad yang lalu seni cetakkan di kenali dan berpontensi, sama seperti catan dan arca. Pada mulanya seseorang artis menggunakan cetakkan untuk proses ulang cetak sketsa mereka.

Seni cetakkan sekarang telah menjadi popular dan di terima oleh berjuta manusia di Eropah dan Amerika Syarikat. Ini terbukti bukan sahaja kerana berkembangnya bilangan cetakkan, pengumpul cetakkan, kelab seni cetakkan dan pameran seni cetak. Seni cetakkan juga mendapat tempat di sekolah-sekolah menengah dan pusat-pusat pengajian tinggi.

Walau bagaimanapun keperluan terhadap proses mekanikal yang kompleks, iaitu memerlukan peralatan yang mahal untuk proses ini telah dapat diatasi.